

# RM8b biayai tranche MRT

**K**ERAJAAN menerusi Danainfra Nasional Bhd (Danainfra), anak syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan akan menerbitkan sukuk jaminan kerajaan bernilai RM8 bilion untuk membiayai tranche pertama pembiayaan landasan Sungai Buloh-Kajang (SBK Blue Line) projek My-Rapid Transit (MRT) yang diurus dan dibangunkan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp).

Danainfra dipertanggungjawabkan sebagai jentera pembiayaan khas untuk mempermudah usaha mengumpul dana bagi projek MRT berkenaan.

Pegawai Utama Danainfra, Fazlur Rahman Ebrahim berkata, pihaknya menyasarkan 20 Julai ini untuk

terbitan pertama, manakala pengumpulan bida bermula 9 Julai.

“Kami bercadang menerbitkan sukuk ini setiap tiga bulan dan RM8 bilion itu dijangka habis digunakan sepenuhnya menjelang 30 Jun tahun depan. Terbitan pertama berkemungkinan dalam bentuk Nota Jangka Sederhana Islam berjumlah RM2.4 bilion dengan tempoh matang disasarkan selama 10, 12, dan 15 tahun.

“Daripada RM2.4 bilion itu, RM1 bilion bagi pinjaman penyambung manakala baki RM1.4 bilion pula untuk projek terbabit,” katanya selepas majlis menandatangani Perjanjian Program Kertas Komersial Islam/Nota Jangka Sederhana Islam di Kuala Lumpur, semalam.



**KERJASAMA...Fazlur (kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan pengatur bersama, Naib Presiden Maybank, Farid Alias sambil disaksikan Ahmad Husni (tengah).**

Majlis itu disaksikan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Mengulas lanjut, Fazlur berkata, Danainfra sudah menyediakan pembiayaan keseluruhan berjumlah RM1 bilion bagi projek MRT berkenaan.

“Sokongan yang diberikan bakal pelabur amat menggalakkan, sekali gus menun-

jukkan sokongan projek prasarana mega ini,” katanya.

Beliau berkata, setakat ini, 33 pakej kerja bernilai RM15.5 bilion daripada 85 pakej sudah diagihkan bagi SBK Blue Line.

“Pakej yang sudah diagihkan ini meliputi pakej kerja berskala besar antaranya jambat, stesen dan pakej bawah tanah,” katanya.